



29 April 2022
29 April 2022
P.U. (A) 148

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENGIKLANAN) 2022

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (ADVERTISEMENT) REGULATIONS 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
(PENGIKLANAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pengiklanan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2022.

Butir-butir iklan mengenai pusat bertauliah atau program bertauliah

2. Tiap-tiap iklan mengenai pusat bertauliah atau program bertauliah oleh penyedia latihan kemahiran hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat penyedia latihan kemahiran;
- (b) kod pusat bertauliah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah kepada penyedia latihan kemahiran;
- (c) nama dan kod program bertauliah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;
- (d) alamat premis, nombor telefon dan alamat e-mel pusat bertauliah; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah sebagaimana yang disiarkan dalam laman sesawang rasmi Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Bahasa

3. (1) Tiap-tiap iklan mengenai pusat bertauliah atau program bertauliah oleh penyedia latihan kemahiran hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(2) Sebagai tambahan kepada bahasa kebangsaan, mana-mana bahasa lain boleh digunakan dalam iklan mengenai pusat bertauliah atau program bertauliah oleh penyedia latihan kemahiran.

Saiz fon perkataan “Jabatan Pembangunan Kemahiran”

4. Sekiranya perkataan “Jabatan Pembangunan Kemahiran” digunakan dalam iklan mengenai pusat bertauliah atau program bertauliah oleh penyedia latihan kemahiran, saiz fon perkataan itu hendaklah separuh daripada saiz fon yang digunakan bagi nama pusat bertauliah.

Kesalahan

5. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Dibuat 28 April 2022

[KSM/PUU/(S)/600-1/2/16/2 (20); PN(PU2)655/JLD. 6]

DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
Menteri Sumber Manusia

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT ACT 2006

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (ADVERTISEMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by section 72 of the National Skills Development Act 2006 [Act 652], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **National Skills Development (Advertisement) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 May 2022.

Particulars of advertisement on accredited centre or accredited programme

2. Every advertisement on an accredited centre or accredited programme by a skills training provider shall contain the following particulars:

- (a) the name of the company and company registration number of the skills training provider;
- (b) the code of the accredited centre issued by the Director General to the skills training provider;
- (c) the name and code of the accredited programme issued by the Director General;
- (d) the address of the premise, telephone number and e-mail address of the accredited centre; and
- (e) any other information determined by the Director General as published in the official website of the Department of Skills Development, Ministry of Human Resources.

Language

3. (1) Every advertisement on an accredited centre or accredited programme by a skills training provider shall be in the national language.

(2) In addition to the national language, any other languages may be used in the advertisement on an accredited centre or accredited programme by a skills training provider.

Font size of the words “Department of Skills Development”

4. Where the words “Department of Skills Development” are used in the advertisement on an accredited centre or accredited programme by a skills training provider, the size of the fonts of such words shall be half of the size of the fonts used for the name of the accredited centre.

Offence

5. Any person who contravenes any provision of these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment not exceeding one year or to both.

Made 28 April 2022

[KSM/PUU/(S)/600-1/2/16/2 (20); PN(PU2)655/JLD. 6]

DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
Ministry of Human Resources